Usia MIG kurang 20 thn maknanya di beli zaman Tun. Siapa lebih arif selok belok beli pesawat. Dulu boleh skrg tak boleh? Pesawat yg diganti dulu entah berapa tahun usianya? Kenapa tak minta syarat penyelenggaraan. Dulu tak ada blog menyoal ini semua!

.....SYARAT BELI

Syarat yg kita perlu khuatir bukan code tapi syarat pasang perangkap curi enjin! Enjin FA18 lebih besar pasaran dan permintaan tinggi. Israel, Taliban, S Korea sedia buat tempahan. Mrk sedang berdoa M'sia beli FA18, mrk dapat enjin murah, teknologi GE harga Lotus!

.....UNTUNG

Untung berganda kalau dilupuskan MIG. Jual pesawat lama dapat untung, pesawat baru dapat komisen! TDUM sudah punya pesawat FA18 dan Sukhoi. Untuk Sukhoi satu orang dapat tempat makan angin diangkasa. Bayanglah untuk FA18 baru.

[By sitinur](#)  [on](#) December 30, 2009 12:49 AM

Asalamualaikum...

dah malas nak dgr pasai pm n d gang....hancussssss...S...e...D...i..H.....saya cuma nak sokong pendapat bajiz(kalo tak silap)28dec 8.35pm....tapi rasenyer lah kan bapak tak mungkin pm nih nak dengar sbb la ni ni polisi depa ialah

menekan rakyat m'sia utamakan rakyat luar.....pm n d gang takder jati diri depa cuma nak gaji n glamour buat keje yg bukan2...

bapak dulu idaklah belaja kat negeri omputih....tapi terer eko,landskap,kejuruteraan kira terer serbaserbi lah....ni kang ada yg kata saya bodek bapak ni....kesah aper aku.....depa ni patut idup zaman 30an pastu depa nak bawak negaraku m'sia kezaman dinasour

lah pulak dah.....takder menda yg depa buat nak menyejukkan perut semua nak bagi rakyat m'sia matii terkezut.....

[By hang nadim 2020](#)  [on](#) December 30, 2009 12:21 AM

Dear Tun,

PLEASE SEND SOMEBODY TO CHECK WHETHER THOSE MIGS STILL HAVE THEIR ENGINE OR MAYBE ALL THE ENGINE ARE GONE AND MAYBE THAT'S WHY WE NEED TO BUY NEW AIRPLANES TO COVER UP THOSE THINGS FAST. DO YOU REMEMBER ALL THOSE SUBMARINES THAT WE BOUGHT SOMETIME AGO. ONE OF MY BROTHER IS WORKING ON THE SUBS. DID I RING A BELL?

'AHA"

You do not need to be a Sherlock Holmes to notice what is wrong with our military budget. Why do we need to buy those flying metals when we have to deal with UAV or unmanned aircraft which will not waste the blood of our people when the government don't have the money to buy spare parts.

Maybe we can start a war..... opps sorry Tun it is a crime

Maybe we can ask Aladdin to send us a few thousand of flying carpets.

REALLY....IF the government want to make a big statement to our neighboring countries and to us Malaysian why not we buy some nuclear weapons and a couple of those WM D(weapon of mass destruction) and the tell the people that we must undi barisan so that this weapon will be in good hands. Or ask the king to give total power to Barisan to lead the country due to the dangerousness of having the government falls to the wrong hands.

I am sure this will scare the shit to those neighboring countries that have put us through a lot of trouble towards our development.

I don't know Tun, you tell them what to do, maybe if you scream hard enough they will listen.

[By checker](#)  [on](#) December 29, 2009 11:20 PM

Salam Tun & fellow Bloggers,

What can we say? one after another issues come up to really placed the current government on the chopping block. More bullets for the PR to shoot at BN. LKS to demand Najib to form royal commission to investigate TUN, DSAI will be happy now to divert people attention to his pending court case on this MIG29 things. Tok Guru too willing to appoint non-Bumi to be the MB. What else? It is obvious that PR is building up case to win the heart and mind of the people (VOTES) by whatever means available. People will really be confused or made more confused. It is really sad to see that BN is struggling to kill PR onslaught by BN's own unwise and careless actions. At the end PR will likely take over the government not because PR is strong but more because BN is weak with on-going problems in MCA & MIC . People will support PR not because PR will provide a better solution (can we imagine DAP & PAS together) but rather to teach BN for a bitter lesson to be learnt. At the end, be prepared as all of us will lose.

I and perhaps many Malaysians do not really trust PR even PAS is part of it, but people have to choose between 2 evils. May Allah bless, protect and save us all, ameen.

[By fairuzstone](#)  [on](#) December 29, 2009 10:54 PM

Assalamualaikum YABhg Tun dan sekeliannya,

Memang hal MIG 29 ni sangat kelakar, ika kita boleh bandingkan bagaimana kita boleh bertahan dengan Nuri , Skyhawk dan byk lagi pesawat yang berusia lama, tapi tak pasal2 MIG 29 pulak kena kondem.

Kalau dari sudut penyenggaraan dan teknologi, sebenarnya "Kalau hendak Seribu Daya, Kalau Taknak Seribu Dalih".

Warga Kejuruteraan dan Teknologi TUDM Airforce kita kalau bolehlah kenalah seiring dengan matlamat negara. Mereka sebenarnya lebih elok membuang budaya "Pengguna" sangat dengan lebih mengamalkan budaya "Peneroka" atau "Pengkaji" atau "Pembuat", waima sekali sekala kalau kena jadi penciplak pun takper. Mana tau ada faedahnya nanti. Sampai bila kita hanya perlu jadi pembeli yang bermurah hati.

Terima kasih.

Fairuz bin Kamarulzaman

[By Rimba Emas](#)  [on](#) December 29, 2009 9:31 PM

SALAM BUAT TUN BERDUA MOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T.

- 1) BAGAIMANA TERBINANYA LAPANGAN TERBANG PERANG DI NEGARA KITA MALAYSIA ADA CERITA NOSTALGIA DI PIHAK IBU SAYA YANG SEPUPU DENGAN AYAH RIMBA EMAS.
- 2) TOK NENEK BELAH IBU DULU ADA SAWAH PADI SEBAGAI MATA PENCARIAN SEHINGGALAH KAWASAN ITU TELAH DI AMBIL UNTUK DI BINA LAPANGAN TERBANG YANG DULU TERKENAL DENGAN RAAF.KITA SEMASA DULU MEMINTA BANTUAN TENTERA BERIKAT IAITU AUSTRALIA.
- 3) KATA IBU KALAU TIDAK KERANA DARURAT YANG MEMERLUKAN PENGORBANAN JIWA DAN HARTA BENDA , TENTU KEHIDUPAN TOKNEK TIDAKLAH MISKIN KETIKA ITU. TOKNEK TERPAKSA MEREMPAT DARI KAWASAN

ITU DAN TERPAKSA MEMULAKAN PENGHIDUPAN BARU MENJADI NELAYAN PULA.

4) PENGORBANAN TONEK KITA DULU SEPERTI BERGOLAK GADAI MEMBANTU DEMI MENDAPATKAN KEMERDEKAAN TIDAKLAH SEPERTI KEADAAN SEKARANG.

5) PENGORBANAN MASA DARURAT DAHULU ADA YANG TIDAK MENDAPAT HABUAN GANTIAN WANG SECARA JUALAN SEBAB ATAS DASAR SEMANGAT PENGORBANAN.

6) HASILNYA TERBINA LAPANGAN TERBANG YANG BERNILAI JUTAAN RINGGIT JIKA DI KIRA HARGA SESUATU BARANGAN BERBAGAI JENIS YANG BERADA DIKAWASAN ITU.

7) BILA DI AMBIL KIRA TENTANG ADANYA PENYELEWENGAN OLEH MEREKA YANG DIBERI GAJI TERHADAP PEKERJAAN YANG DILAKUKAN MALAH BOLEH MENDATANGKAN PENDAPATAN BUKAN SEDIKIT SEBALIKNYA NILAIANNYA JUTAAN RINGGIT, MAKA DIMANA HARGA PENGORBANAN JIKA DIBANDING DENGAN MEREKA YANG MERELAKAN HARTA SEBAGAI WAKAF.

8) UNTUK MENAKUTKAN MUSUH BUKAN SAHAJA DENGAN HANYA MENUNJUKKAN SENJATA YANG DIMILIKI TETAPI PERLU ADA PENGORBANAN HARTA DAN NYAWA.

9) RESIKO KUDA DAN PEDANG DAPAT MENGAWAL KEMUSNAHAN SECARA BESARAN SEBALIKNYA JET PEJUANG RESIKONYA MENGAZABKAN INSAN-INSAN YANG BERLINDUNG DARI SIKSA PEPERANGAN.

10) TERLALU BANYAK PENGORBANAN TERPAKSA DILAKUKAN UNTUK MENDAPATKAN SESEBUAH JET PEJUANG YANG CANGIH .YANG DAPAT MENCIPTANYA LEBIH MENGUNTUNGGAN SEHINGGA KESANNYA BANYAK MEMBAWA KEROSAKAN.BERSEDERHANALAH KITA.

WALLAHU'ALAM

[By hannibalceno](#)  December 29, 2009 8:58 PM

salam tun..

hanya sekadar renungan..

artikel ini dipetik dari laman Mnda Tajdid oleh Dr Mohd Asri Zainul Abidin.

Agama Bukan Candu Untuk Mengkhayalkan Orang Miskin

Disiarkan pada Nov 11, 2009 dalam kategori Isu Semasa |

(Antara artikel lepas (Jun 2008) yang menyebabkan Dr. Asri tidak disenangi oleh sesetengah pihak agama dan politik)

“Dan berikanlah kepada kaum keluargamu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membazir dengan pembaziran yang melampau.

Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula sangat kufur kepada Tuhannya”. (Surah al-Isra: 26-27).

Saya tertarik apabila membaca kisah al-Imam al-Nawawi (631-676H) yang diminta oleh Raja pada zamannya al-Malik al-Zahir untuk memberikan fatwa bagi mengharuskan Raja mengambil harta rakyat untuk digunakan memerangi musuh yang mengancam negara iaitu tentera Tatar. Tujuan itu pada zahirnya baik kerana mempertahankan negara dari ancaman musuh. Harta itu pun hendak digunakan untuk keperluan jihad.

Namun ramai ulama yang telah dibunuh ketika itu kerana enggan mengeluarkan fatwa berkenaan. Al-Nawawi juga enggan menulis surat sokongan terhadap tindakan Raja Zahir itu sekalipun beliau tahu pengambilan harta itu untuk kepentingan negara juga.

Apabila Raja bertanya kepada beliau mengapa beliau enggan menyokong? Beliau menjawab: Setahu saya engkau dahulunya seorang hamba, tidak mempunyai harta. Kemudian Allah memberikan kurniaan kepadamu lalu diangkat engkau menjadi seorang raja. Aku dengar engkau memiliki seribu hamba lelaki yang setiap mereka memiliki talipinggang daripada emas. Engkau juga ada memiliki dua ratus hamba perempuan, dan setiap mereka memiliki sebekas perhiasan. Jika engkau belanjakan itu semua, sehingga hamba-hamba lelakimu hanya memakai tali pinggang kain, dan hamba-hamba perempuanmu hanya memakai baju tanpa perhiasan, juga baitul mal sudah tiada simpanan wang, harta dan tanah lagi, maka aku akan fatwakan untukmu keharusan mengambil harta rakyat itu. Sesungguhnya yang menolong jihad dan selainnya ialah penyerahan diri kepada Allah dan mengikut jalan nabiNya s.a.w. (lihat: ‘Abd al-Ghani al-Daqar, al-Imam al-Nawawi, 144-145, Damsyik: Dar al-Qalam).

Saya suka dengan jawapan al-Imam al-Nawawi ini. Saya tahu, selepas ini banyak forum-forum perdana, ceramah-ceramah di radio dan televesyen akan memperkatakan tentang kewajipan berjimat cermat. Maka ustaz, ustazah dan penceramah pun –atas permintaan penaja yang membayar harga ceramah- akan bersungguh-sungguh menyuruh orang-orang bawahan untuk berjimat cermat.

Dalil-dalil pun akan dibaca. Mungkin akan ada ustazah yang mencari cerita-cerita ajaib yang baru untuk dikaitkan dengan bab jimat cermat dan jangan membazir. Mungkin akan ada penceramah yang cuba menangis-menangis –seperti seorang pelakon berjaya yang menerima anugerah- bercerita kepada mak cik-makcik yang kusyuk menonton tentang azab seorang yang membazir ‘nasi lemaknya’.

Datanglah orang-orang kampung mendengar forum perdana dengan basikal atau motosikal sebagai menyahut seruan agar tidak membazir petrol. Adapun penceramah, datuk-datuk pengajur, YB-YB hanya menggunakan kenderaan mewah yang berkapasiti atas daripada 2000cc. Tujuannya untuk mengelakkan pembaziran wang kerajaan yang terpaksa dibayar kepada empunya kenderaan 2000cc ke bawah, lebih tinggi daripada 2000 ke atas.

Maka insaflah mak cik dan pak cik yang barangkali teringatkan tulang ikan yang pernah dibuangnya padahal masih ada sedikit sisa isinya yang melekat. Itulah membazir namanya. Maka, atas keinsafan dan taubat itu, mungkin ada yang akan mula mengurangkan makan nasi lemak daripada sebungkus seorang kepada sebungkus yang dikongsi bersama. Air kopinya yang memang sudah ‘ceroi’ akan ditukar kepada yang warna hitamnya antara kelihatan dan tidak. Maka selamat negara kita ini, disebabkan pakcik dan makcik, pak long dan mak long, pak lang dan mak lang di kampung sudah mengubah gaya hidup mereka.

Jika saya hadir ke forum yang seperti itu, saya ingin bertanya soalan, tapi soalan yang belum ‘dijakinkan’, “apakah agama ini dihantar oleh Allah untuk menghukum manusia bawahan dan menghalalkan yang lain tidur dalam kekenyangan dan kemewahan?”. Sebelum harga minyak naik, telah sekian mereka yang berada di teratak usang itu menjimat makan dan pakai. Saban hari mereka mengira belanja untuk membolehkan mereka terus hidup di kala negara dunia belum menghadapi krisis harga minyak.

Saya tidak mahu membicarakan tentang kenaikan harga minyak dari sudut perjalanan ekonomi antarabangsa. Telah banyak pakar-pakarnya bicarakan. Tapi saya ingin bincangkan tentang soal pembaziran dan jimat-cermat. Ya, memang Islam memusuhi pembaziran. Bahkan al-Quran tidak

pernah mempersaudarakan antara mana-mana pembuat dosa dengan syaitan, melainkan mereka yang membazirkan.

Allah menyebut dalam al-Quran: (maksudnya): “Dan berikanlah kepada kaum keluargamu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membazir dengan pembaziran yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula sangat kufur kepada Tuhannya”. (Surah al-Isra: 26-27).

Demikianlah Allah mempersaudarakan pembazir dengan syaitan. Kesan pembaziran sangat besar. Lihat negara kita yang kaya dengan berbagai hasil. Sepatutnya kita akan tetap kukuh dan setiap rakyat akan menikmati kekayaan ini dengan adilnya. Namun, disebabkan pembaziran, harta negara yang sepatutnya dapat dimakan puluhan tahun, tetapi surut mendadak dalam masa beberapa tahun.

Maka, yang patut mendapat bantuan dan hak, tidak cukup untuk sampai kepadanya. Barang keperluan pula bertukar menjadi mahal. Pembaziran memusnahkan kehidupan rakyat bawahan dan menghalang hak yang sepatutnya sampai kepada mereka. Maka betapa wajar untuk para pembazir itu dipersaudarakan dengan syaitan. Apatah lagi dalam banyak keadaan, pembaziran itu lahir dari keangkuhan dan kesombongan. Sifat-sifat itulah jua yang menjadi asas kepada kekufuran syaitan.

{ "Soalannya, mengapakah apabila kita membicarakan tentang pembaziran, kita hanya terbayang orang-orang bawahan di kampung ataupun bandar. Jika kita ingin meminta supaya setiap warga negara ini berjimat dan jangan membazir, maka bermulalah daripada atas. Bukan sekadar untuk ‘mengenakan si miskin yang sekian lama telah berjimat dan sudah tidak tahu apa yang hendak dijimatkan lagi. Mengapa kita hanya terbayang rakyat yang berada dalam rumah persendirian dan berbelanja dengan wang poketnya yang sudah lelah?

Kita sepatutnya terlebih meneliti semula bagaimana perbelanjaan yang menggunakan harta negara dan rakyat yang sedang berjalan di istana-istana, kediaman-kediaman rasmi kerajaan di peringkat negara dan negeri?. Apakah wajar di kala ini keraian untuk orang-orang besar sama ada sultan atau menteri begitu mewah? Makanan yang dihidangkan untuk mereka, harga satu meja kadang-kala boleh dimakan oleh ratusan rakyat bawahan. Karpet yang dipijak oleh mereka harganya ribuan bungkusan nasi yang dimakan oleh ‘orang biasa’.

Apakah patut di saat yang sebegini, ada istana atau kediaman rasmi menteri yang hendak ditambahmewahkan? Apakah patut orang-orang besar ini diraikan dengan hiburan atau pertunjukan dan konsert yang menelan puluhan ribu ringgit sempena sesuatu kunjungan mereka. Wang itu, wang negara. Wang itu, wang rakyat.

Apakah dalam masa yang sebegini mereka masih mendapat peruntukan untuk bersantai, bermain golf dan ‘berhiburan’ dengan menggunakan wang rakyat bawahan yang disuruh menjimatkan nasi lemak dan air kopi mereka?. Pembaziran sebegini lebih rapat menjadi saudara syaitan dibanding wang persendirian yang dibelanjakan."}

Meminjam falsafah al-Imam al-Nawawi yang saya sebutkan tadi, jika orang atasan telah benar-benar berjimat, maka wajarlah untuk dikurangkan subsidi rakyat. Al-Nawawi telah dibuang negeri kerana enggan bersekongkol dengan perkara yang seperti ini. Namun, jika itu tidak dilakukan, ulama bukan burung kakak tua.

Saya mengambil risiko menulis hal ini. Tanggungjawab di hadapan Allah lebih besar daripada segala-galanya. Para ulama dahulu jauh lebih mulia, tidak dibandingkan kedaifan saya ini. Pun mereka telah menunaikan tanggungjawab al-Amr bil Ma’ruf dan al-An-Nahy ‘an al-Munkar ini. Semoga Allah menimbang tinta para ulama dengan darah para syuhada.

Telah berlaku tahun kesusahan dan kelaparan yang amat sangat di Semenanjung Arab pada zaman Amirul Mukminin 'Umar bin al-Khattab. Dikenali dengan 'Am al-Ramadah kerana seakan bagaikan warna ramad atau abu disebabkan kekurangan hujan, warna tanah dan warna kulit manusia yang bertukar disebabkan kekeringan. Ini berlaku pada antara tahun 17H dan 18H selama sembilan bulan.

Amirul Mukminin telah berhempas pulas menguruskan harta negara ketika itu bagi mengatasi kesusahan rakyat. Di samping kecemerlangan pengurusan, yang ingin disebutkan di sini kecemerlangan pendirian dan sikap. Ibn Jarir al-Tabari meriwayatkan bahawa 'Umar bin al-Khattab tidak memakan pada tahun berkenaan lemak haiwan, susu dan daging sehingga orang ramai dapat memakannya. Barangan makanan berkurangan di pasar.

Pada suatu hari pekerjanya dapat membeli untuknya lemak dan susu namun dengan harga yang agak tinggi. 'Umar enggan makan bahkan berkata: "Engkau telah menyebabkan lemak dan susu menjadi mahal, sedekahkan keduanya, aku bencikan pembaziran. Bagaimana aku dapat memahami keadaan rakyat jika tidak mengenaiku apa yang mengenai mereka?". (Al-Tabari, 2/358, Beirut: Dar al-Fikr).

Juga diriwayatkan bahawa suatu hari pada tahun berkenaan disembelih unta lalu dimasak dan dibahagikan kepada orang ramai. Lalu diveduk masakan itu untuk dihidangkan juga buat 'Umar. Tiba-tiba yang diveduk itu bahagian belakang unta dan hatinya. Lalu 'Umar bertanya: "Dari mana diperolehi ini?". Daripada unta yang kita sembelih hari ini. Kata 'Umar: "Oh! Alangkah buruknya aku ini sebagai pemimpin, jika aku memakan bahagiannya yang baik lalu aku berikan rakyat makan yang sisa" (Ibn Sa'd, al-Tabaqat al-Kubra, 3/312, Beirut: Dar Sadir).

Maka alangkah buruknya seorang presiden, atau sultan, atau raja, atau perdana menteri, atau menteri besar, atau menteri yang makan dengan mewah daripada peruntukan harta negara atau negeri sedangkan rakyatnya dalam kesusahan. Ketika rakyat membilang butiran beras, helaian ringgit untuk persekolahan anak, keperluan membayar sewa rumah, api dan air, sementara mereka yang berkuasa ini pula menghadiri jamuan negara dan negeri itu dan ini.

Bermewahan dengan pertunjukan dan hiburan dari peruntukan wang negara. Kemudian bercuti rehat, tanpa rakyat ketahui apakah kepenatannya untuk rakyat. Kos cuti itu pula ditanggung oleh negara tanpa sebarang pulangan keuntungan buat rakyat. Alangkah zalim! Alangkah keji sikap yang sedemikian rupa.

Saya kadang-kala begitu hairan apabila seseorang dianggap 'berjiwa rakyat', hanya kerana makan nasi yang dijamu oleh rakyat, atau masuk ke kampung mendukung anak rakyat untuk beberapa minit bagi membolehkan wartawan mengambil foto. Apakah itu dinamakan berjiwa rakyat?

Jika hendak diiktiraf sebagai berjiwa rakyat, rasailah apa yang rakyat rasai. Orang seperti 'Umar bin al-Khattab lebih mulia daripada segala keturunan atau pangkat yang ada di kalangan manusia. Kemuliaannya telah diiktiraf oleh Allah dan RasulNya. Dia ahli syurga dengan jaminan Allah dan RasulNya sementara politiknya tidak ada saingan yang menggugatinya. Namun tetap amanah dan jujur terhadap rakyatnya. Merasai penderitaan rakyat. Beliau idola kepimpinan kita sepatutnya. Walaupun beliau tidak pernah menyuruh orang menyembah atau menjulangnya, namun beliau dipuja oleh sejarah dan diangkat oleh Allah.

Kenaikan harga minyak menaikkan harga barang. Orang berpendapatan rendah menjadi mangsa. Agama berperanan untuk menyedarkan semua pihak tentang tanggungjawab terhadap rakyat. Dalam keadaan begini, antara perkara pertama yang patut dibentang kepada rakyat adalah pengurusan kemasukan dan pengagihan zakat. Zakat yang mungkin sampai kepada peringkat bilion ringgit di seluruh negara mesti diagihkan secara telus dan bijaksana.

Mengapa masih ada fakir miskin yang bagaikan meminta sedekat kepada pihak yang menguruskan zakat? Mengapa program tv lebih menjumpai si miskin dibanding pihak yang menguruskan zakat? Mengapa zakat masih berbaki dengan begitu banyak setiap tahun sedangkan kemiskinan masih banyak? Mengapa pihak yang menguruskan zakat kelihatan bertambah mewah, sementara yang patut menerima hak kelihatannya bertambah letih dengan keadaan sekarang?

Di masa inilah peranan zakat bagi memastikan setiap yang memerlukan memperolehinya tanpa kerehnan birokrasi yang bukan-bukan. Jangan sampai untuk mendapat RM150 si miskin berulang alik berkali-kali dengan tambang sendiri, sementara yang mendakwa amil zakat mengisi minyak kereta dengan wang zakat atas nama amil! Ramai kata kita berjaya menguruskan zakat sebab kutipan yang tinggi. Saya katakan, pengurusan yang berjaya itu bukan sahaja kutipan semata, tetapi juga pengagihan secara telus, bijaksana dan bertanggungjawab.

Dalam usaha kerajaan menangani kemelut ekonomi hari ini, perkara-perkara yang disebutkan ini mestilah dipandang serius. Kejayaan sesebuah kerajaan menghayati penderitaan rakyat akan menjadikan mereka lebih disayangi dan disokong. Jika orang atas mengubah cara hidup, kita akan berkempen untuk semua agar mengubah cara hidup. Jika orang agama disuruh berkempen orang bawahan agar mengubah cara hidup, sementara melupai yang di atas, mereka sebenarnya cuba menjadikan agama sebagai candu agar seseorang melupai masalah yang sebenar. semoga menjadi renungan kita bersama..

dan jangan pulak yang akan kata saya wahabi...

sekian ..

jaga diri tun berdua..

By Hantu Siber  December 29, 2009 8:53 PM

Assalamualaikum YABhg Ayahanda Tun suami isteri, moga beroleh kesihatan yang baik adanya diberi Allah SWT. Dah lama anakanda tidak menulis dalam blog ayahanda. Mohon izin apalah kiranya anakanda menulis dan berkongsi maklumat dengan pembaca budiman sekalian.

Dipetik dari Wikipedia (<http://en.wikipedia.org/wiki/Mig29>)

" The Mikoyan MiG-29 (Russian: Микоян МиГ-29; NATO reporting name: Fulcrum) is a 4th generation jet fighter aircraft designed in the Soviet Union for an air superiority role. Developed in the 1970s by the Mikoyan design bureau, it entered service with the Soviet Air Force in 1983, and remains in use by the Russian Air Force as well as in many other nations. The NATO name "Fulcrum" was unofficially used by Soviet pilots in service. The MiG-29 along with the Su-27 were developed to counter new American fighters such as the F-15 Eagle, and the F-16 Fighting Falcon.

The Russian Air Force grounded all its MiG-29s following a crash in Siberia on 17 October 2008. Following a second crash with an MiG-29 in east Siberia in December 2008, Russian officials admitted that most MiG-29 fighters in the Russian Air Force were incapable of performing combat duties due to poor maintenance. The age of the aircraft was also an important factor as about 70% of the MiGs were considered to be too old to take to the skies. The Russian MiG-29s have not received updates since the collapse of the Soviet Union. This is because the Russian Air Force chose to upgrade the Su-27 and MiG-31 instead. On 4 February 2009, the Russian Air Force resumed flights with the MiG-29. However, in March 2009, 91 MiG-29s of the Russian Air Force required repair after inspections due to corrosion; approximately 100 MiGs were cleared to continue flying at the time. The Russian Air Force has now started update its early MiG-29s to more current MiG-29SMT standard and have bought 23 new MiG-29SMTs.

The Indian Air Force expressed concern after 90 MiG-29s were grounded in Russia. After carrying out an extensive inspection, the IAF cleared all MiG-29s in its fleet in March 2009. In a disclosure in Parliament, Defence Minister A K Antony said the MiG-29 is structurally flawed in that it has a tendency to develop cracks due to corrosion in the tail fin. Russia has shared this finding with India, which emerged after the crash of a Russian Air Force MiG-29 in December 2008. "A repair scheme and preventive measures are in place and IAF has not encountered major problems concerning the issue," Antony said. Despite concerns of Russia's grounding, India sent the first six of its 78 MiG-29s to Russia for upgrades in 2008. The upgrade program will fit the MiGs with a phased array radar (PESA) and in-flight re-fueling capability. "

MiG-29 atau dikenali sebagai Fulcrum oleh Nato ini berupaya melakukan "Cobra Manoeuvre" yang amat mengagumkan dan banyak membantu juruterbang dalam "dog-fight" (evasive action). Antara jet pejuang yang terbaik didunia, maka benar kata Tun yang kita perlu kepada kecanggihan dan keupayaannya dalam mempertahankan kedaulatan tanahair kita yang tercinta. Jika kita membeli pesawat dari negara yang tidak membenarkan kita menggunakan sepenuhnya keupayaan pesawat tersebut, maka apalah gunanya perbelanjaan yang beratus-ratus juta. Benar kata Tun, kita cuma perlu "upgrade" MiG-29 kita itu untuk terus digunakan. Terima kasih Tun.

General characteristics

Crew: One

Length: 17.37 m (57 ft)

Wingspan: 11.4 m (37 ft 3 in)

Height: 4.73 m (15 ft 6 in)

Wing area: 38 m² (409 ft²)

Empty weight: 11,000 kg (24,250 lb)

Loaded weight: 16,800 kg (37,000 lb)

Max takeoff weight: 21,000 kg (46,300 lb)

Powerplant: 2× Klimov RD-33 afterburning turbofans, 8,300 kgf (81.4 kN, 18,300 lbf) each

Performance

Maximum speed: Mach 2.25 (2,400 km/h, 1,490 mph) At low altitude: 1,500 km/h, 930 mph

Range: 700 km (430 mi)

Ferry range: 2,100 km (1,800 mi) with 1 drop tank

Service ceiling: 18,013 m (59,100 ft)

Rate of climb: initial 330 m/s average 109 m/s 0-6000 m[93] (65,000 ft/min)

Wing loading: 442 kg/m² (90.5 lb/ft²)

Thrust/weight: 1.01

Armament

1x 30 mm GSh-30-1 cannon with 100 rounds

Up to 3,500 kg (7,720 lb) of weapons including six air-to-air missiles — a mix of semi-active radar homing (SARH) and AA-8 "Aphid", AA-10 "Alamo", AA-11 "Archer", AA-12 "Adder", FAB 500-M62, FAB-1000, TN-100, ECM Pods, S-24, AS-12, AS-14.

Avionics

Phazotron N019, N010 radars

Wassalam,

Hantu Siber

[By hannibalceno on](#) December 29, 2009 8:26 PM

salam tun..

maaf la mungkin terkeluar topik sikit...

belanjawan 2010 dah nak mula..
tetapi saya rasa agak terkilan..
terkilan kerana banyak yang diperlukan oleh sektor makanana(subsidi)..
sektor pendidikan terasa akan dikurangkan dan sudah ternampak..
bukan apa saya ada sikit musykil..
hari tu DSN kata ekonomi TENGAH NAK PULIH..
tak pa la saya terima..
tetapi bila masa tengah nak pulih ni jugak pi masuk fl tu nak buat apa..
makan sesuap nasi macam mana nak b####k sepinggan t##i..
tengah tak da duit nak masuk fl..
tengah takda duit nak beli fighter jet baru..
saya terasa bukan apa..
bila kami digula-gulakan bahawa ekonomi tengah nak pulih..
jadi rakyat perlu sabar dan bantu kerajaan..
hari tu ceupacs mintak bonus untuk kakitangan awam..
malu jugak pengerusi dia hari hari masuk tv mintak perkara yang sama..
lepaih tu DSN keluar tv..
dia kata rakyat kena paham kerajaan tak dapat bagi bonus sebab ekonomi down..
lepaih tu pengerusi ceupacs terus tak timbul dah dalam tv cerita pasai bonus..
ni apa cerita la ni..
kata duit takdak..
tapi boleh pulak belanja team fl..
kalau tak salah gaji driver dia puluhan juta setahun kan(salah tolong betulkan)...
alangkah baiknya duit tu diguna dulu untuk ambik ati rakyat..
jaga harga barang, subsidi sikit kan ekonomi tengah sakit..
memang la macam kata tun jangka panjang kita akan untung..
tapi la tengah sesak teruk ni..
kalau untuk R&D enjin kereta kita dah ada proton..
gunakanlah..
simpan buat apa ...
tak payah masuk fl untuk R&D enjin..
proton ni pun satu..
berlambak dah rakyat malaysia dok komplek....
kualiti..kualiti..kualiti
tapi dok buat pekak jugak..
rakyat tak mintak banyak..
maksimumkan safety features dah ok jadikan mandatory untuk setiap model/kereta proton..
ni pun tak leh nak bagi..
la ni proton boleh keluar satu model sampai tiga specs..
basic.. medium..high..
basic model pun puluhan ribu jugak..
saya pun pakai proton ja dah dua model..
prestasi enjin bagi saya dah ok..
tapi tolonglah tambah aksesori lagi dengan safety sekali..
kalau proton boleh jual harga murah dengan dengan teknologi tinggi..
saya rasa tak lepas tu lama brand lain tak laku sebab mahal..

yang banyak akan beli ialah melayu..
sebab melayu pasaran terbesar..
dan ramai melayu hanya mampu proton.. (kesian kat bangsa aku)
dan lepas tu baru boleh wat dasar recon untuk kereta malaysia tapi tunggulah sampai umur kereta lebih 15 tahun...
dah jauh dah melalut nih..
tapi sekadar nak bagi tau kalau benda macam ni saya yang rakyat biasa ni nampak terlebih lagi orang politik..
dan yang paling nampak ialah parti lawan BN...
mereka akan guna isu ini untuk tahun 2010 sampai la pru13 nanti...
jaga jaga BN ada orang follow... hahaha
sekian...
salam tun..
jaga diri..

[By](#) [fique](#) [on](#) December 29, 2009 8:21 PM

Tun,

Memang geram sangat dengar statement tu. Saya setuju dgn Tun kenapa perlu pembelian baru dari musuh, logik la kan kalau saya jual Jet Fighter dn yg belinya musuh, bodohla saya klu bg full features pada musuh kan?. Budak kecik yang tak sekolah pun tahu pasal ni. Singapork balaci US dan dapat priority dari technical military US. Kalau terjadinya berperangan antara Malaysia dan Singapork, agaknya US nk disable pesawat pejuang yang mana?.

Maknanya disini menteri pertahanan tu memang tidak ada akal dan bodoh. Ataupun pihak lain yg mempengaruhi beliau?

Kita nak beli jet utk pertahanan ke pameran.? Kapal selam pn orang tengah dapat beratus juta, second hand punya plak tu. Adakah pemimpin kita layak dilantik sebagai pemimpin?. Mana 1Malaysia yang rakyatnya didahulukan?. Pemimpin yang bodoh hanya buat keputusan atas sebab powernya beliau yang sepatutnya fikirkan kehendak dan keperluan rakyat. Tun, adakah tidak ada cara untuk menyelamatkan Malaysia daripada belenggu kebodohan ni? TOLONGLAH kami..kenapa kerajaan sekarang ni begitu cuai,bodoh serta mementingkan diri sendiri dan rasuah yang terang-terangan.

[By](#) [akee](#) [on](#) December 29, 2009 8:13 PM

Jangan2 MiG-29 kita dah tak ada mesin. Pasal tu kena tukar.

[By](#) [chasethedragon72](#) [on](#) December 29, 2009 7:50 PM

Askm Y.A.B TUN..

Ada tambahan sedikit komen sy ttg tajuk ini. Sebenarnya, pswt mig tsb tidak rosak cuma keputusan telah diambil utk menghentikan senggaraan berjadual yg terkini setelah keputusn utk menjual pswt tsb dipersetujui...ia tiada kena-mengena dgn apa2 kerosakan yg tidak dapat dirawat..ia hanyalah semata2 utk jimatkan wang (sila baca komen sy sebelum ini).
din chik..

[By](#) [Ir. Syahrizan](#) [on](#) December 29, 2009 7:35 PM

Asalamualaikum,

I'm thinking NOT to comment in this Mig-29 thread. But as always, Tun manage to raise interesting topics, as engineering will always be part of my flesh and blood.

A lot of comments, wanted Malaysia to build its own fighter planes. Idealism and realism doesn't

co-exist most of the time. As some would say; it's easier said than done. They're certain things we will not be able to accelerate even with proper technical management (think tank), not to mention expertise; we have to hire good consultant engineers in avionics and military fields to guide us and capital (money). We're talking about R&D that can be worth Billions of Ringgit! (can we afford it?). Our famous local-made cars of 25 years "marvelous engineering" should serve as a very good lesson.


We barely could engineered "Power Window" for Proton/Perodua cars, let alone a sophisticated fighter plane! I believe our pilots wouldn't even dare to fly a local-made fighter planes even if they're paid with a 7-figure salary!

If Malaysian Air Force ever had to engage in a defensive air-to-air campaigns or dog-fights, I think Malaysian pilots will have a better chance flying in the old F4 Phantom; a Vietnam War era fighter planes THAN to fly our local-made-fighter planes!

Perhaps, the best way to do this is to start a joint venture between our local universities, our military and selected outsiders. There's nothing ashamed to start small and make our way up bit by bit. The Europeans did the same thing by joint venture in commercial airplane manufacturing; Airbus. They even joint venture in making one of the world's best super-cruise fighter planes; the Typhoon. We could ask our serumpun neighbours (such as Brunei, Indonesia) to joint venture to develop such technology. Of course, Singapore is totally out from the picture.

We need to have the capability to defend our country. I CAN'T accept comments saying buying this tool of wars is a waste. It is a MUST PRIVILEGE for a sovereign country to have its own; ground, maritime and air defense!

The only way to make these whole idea of fighter planes manufacturing to work is to AVOID any political hands trying to be the middleman. Tough screening needs to be carried out by independent checker on who will be the military consultants and military vendors for our national defense programme. The lesson of our missing two fighter planes' engines, the very expensive 2 scorpion submarines and many more military misfortunes should have been our WAKE UP call. Or Malaysians are still blind?

[By bencisakura](#)  [on](#) December 29, 2009 7:12 PM

assalamualaikum TUN,

saya cuma seorang pelajar persendirian di timur tengah..

my personal opinionlah kan...


drpd dibazirkan duit tu utk beli jet yg ntah apa2 drpd sebuah negara yg terang-terangan menyokong rejim zionis tu, lebih baik kalau duit2 tu digunakan utk membantu pelajar2 diluar negara..

saya sangat pelik bila pihak MARA memberitahu bahawa bajet yg dikhaskan kpd mereka semakin berkurang (itu kata mereka kpd kami dlm satu pertemuan bbrp minggu yg lalu) jadi saya terfikir..

kemanakah hilangnya wang berjuta2 ringgit yg kononnya diperuntukkan utk pendidikan???

inikah kerajaan yg harus saya undi sebaik sahaja umur saya mencecah 21 tahun pd tahun hdpn?? yg saya nampak cuma penyelewengan di pihak atasan pimpinan negara sendiri..

ini cuma pandangan dr seorang yg baru masuk dunia belia..
kami sedang memerhati dan menilai.
syukran

[By Kokabala](#)  [on](#) December 29, 2009 6:52 PM

There is big possibility that the MIG have lost their engines and avionics. Another scandals to be covered up.

[By rarunasalam](#)  [on](#) December 29, 2009 6:47 PM

Tun

I admit this is not something I would know head or tail about - however as you've raised it, care to state what is the fleet number which is being considered for phasing out and over what time frame?

Also, in what capacity is the MiG being used in our defence strategy? Is it used in active reconaissance exercise OR just for training? If latter, on that basis, does the Govt have a business case to sell of the MiGs/phase them out sooner than later (to get better resell value now, than prolong the sale and not make any dosh on it?)

Of course one could argue - does Malaysia even need a sophisticated defence fleet...well, we made purchases during your tenure as PM i.e. helicopters, fighter jets, submarines, so I guess our defence strategy at least cannot be blamed on Tun Abdullah...

or, you might wish to make the point that Tun Abdullah was Defence Minister (when he swapped his portfolio with PM Najib...)...so lets blame this one as well on him...

(Ravi)

[By chasethedragon72](#)  [on](#) December 29, 2009 6:40 PM

Askm Tun...dan semua..

Buat semua yg memberikan komen dan pendapat ke atas keputusan utk hentikan penggunaan pswt mig dan menjual kpd negara lain..diucapkan terima kasih.

Keputusan tsb bukan krn bad engineering practices ataupun tabiat pembaziran ataupun utk kroni-kroni. Bukan..dan jgn terlalu suka buat komen tanpa selidik perkara sebenar. Kenapa keupayaan TUDM menyelenggara helikopter NURI yg berusia lebih 40 tahun tidak pula dipuji.

Tidak terfikir ke anda semua kenapa kos menyelenggara mig sangat mahal?

Siapakah yang membuat senggaraan intermediate / depoh pswt mig? Utk pengetahuan anda, bukan TUDM yg buat. TUDM teringin sangat nak buat tetapi dah jadi dasar kerajaan utk bangunkan industri aeroangkasa jadi dapatla kontrak tu pada ATSC dan tanpa persaingan dgn mana2 kontraktor pun maka kos selenggara tsb adalah diluar kawalan TUDM. Cth: overhaul enjin mig...kena htr ke india. urusan dilakukan oleh ATSC. Jadi kos o/haul satu enjin mig mencecah jutaan ringgit.

Sementara didalam DPA pula..kontraktor bumiputera blh menjadi pembekal komponen2 tsb ...(ini dilakukan dahulu untuk membangunkan industri pertahanan negara) dan akhirnya TUDM terpaksa bergantung kpd penghisap darah ini..disebabkan terpaksa mematuhi kontrak2 dimana semasa kontrak ini mula dijalankan TUDM kena ikut sahaja kemudian akhirnya TUDM yg menanggung kesannya.

Melalui perbandingan antara pembelian F/A-18D dan Mig-29N. USA mengawal program pembelian pswt mereka melalui FMS (foreign military sales) dan tiada ruang utk org2 tengah / kontraktor utk mark-up harga seperti mana kebebasan diberi oleh pihak Russia yg menyebabkan kontraktor2 mengenakan harga yg berlipat kaliganda.

keputusan menjual pswt mig tsb sebenarnya adalah langkah utk menjimatkan wang kerajaan...bukannya utk kroni-kroni. Jika utk mengenyangkan kroni-kroni, lebih baik mig jgn dijual (cuba fikir)..perah cukup2 budjet senggaraan tsb.

SAYA BUKAN JURUCAKAP TUDM...tetapi sakit hati bila org yg tak tahu apa2 pun nak buat komen tanpa selidik kemudian terus buat pengadilan bahawa ada korupsi dlm pasukan TUDM. Byk pengorbanan oleh TUDM semasa keputusan membeli mig. Ttpi kuasa ditgn ahli2 politik bukan Jeneral TUDM.

EX-TUDM

DIN CHIK..

[By adzulkiflee](#)  [on](#) December 29, 2009 6:34 PM


Salam Tun M,

Hairan saya bila memikirkan tentang pembelian aset aset negara, seperti kapal selam, senjata dan jet pejuang, apakah tiada dari golongan atasan dari pihak kerajaan yang boleh "nego" tentang pembelian ini, rasa saya dgn melantik broker(syrt lantikan kerajaan) ni, negara lagi rugi,sebab orang tengah lagi makan besar, semua rakyat adalah pembayar cukai dan setiap aset negara,hak rakyat juga, harap Tun M rungkai dan berilah pandangan kepada PM baru dan Kabinet nya.

Salam hormat Tun M dari saya,dengan ratusan juta.....ingatlah kehidupan orang-orang yang jauh dari KL,miskin dan sesuap nasi pagi/petang saya sedih,kecewa.

[By zemmy_azli](#)  [on](#) December 29, 2009 6:33 PM

Kos penyelenggaraan RM260 juta? Ha ha ha, biasa la, jabatan kerajaan, sejak berzaman, kalau hal hal claim ni mesti nak tinggi, pasal nak bahagi bahagi persen sesama sendiri. Sebatang pen cap ayam pun boleh up sampai RM10, ini kan pulak spare part jet, mesti la lagi dasat. Mana ada ketelusan yang hakiki dalam dunia ni, berangan aje la. Tak payah la kot beli jet baru. Beli jet bukan macam beli kereta. Segala apa pun nak dibeli sekali. Semuanya datang dalam satu pakej (komisen pun masuk dalam pakej). Tapi, entah la, apa la yang kita dapat buat, kita ni cuma rakyat kecil je, ibarat anjing menyalak bukit, layan kan aje la.

[By nazrimalik](#)  [on](#) December 29, 2009 5:53 PM

Projek nak beli jet2 baru ni nampak mcm nak bagi rakyat lagi meluat dekat kerajaan.

Mencadangkan UMNO ambil alih kepimpinan BN dari Gerakan di Penang membuatkan orang Cina Penang lagi meluat kat UMNO.

Cik Najib oi, tak nampak2 lagi ke apa si Zahid tu nak buat?

Tun, tubuh aje parti politik baru....

UMNO, MCA, MIC, DAP, PAS, etc... semuanya mengarut! paria dog!

Kalau tak, hancur Malaysia!

[By Abadi](#)  [on](#) December 29, 2009 5:43 PM

Salam WBT


Ayahanda Tun M yang di kasihi,

1. Setelah membaca komentar ayahanda Tun M mengenai isu MiG 29 barulah lah saya faham sedikit mengenai kos dan penyelenggaraanya.
2. Tiada apa yang saya ingin komentarkan sebab tidak arif dengan pesawat. Cuma saya terfikir jugak pasal isu jimat cermat dan pembaziran.
3. Kereta kontinental (beli second hand) yang saya miliki sekarang di perbuat tahun 1996 sekarang sudah berumur 14 tahun. Rosak sudah berkali. Bila rosak saya cari spare part di kedai potong. Bernasib baik jika dapat yang "as good as new". Beli part baru jika yang murah sedikit. Ada hati juga hendak beli kereta baru....hmmm beli baru interest bank tinggi. Kualiti belum


tentu.Mahal pula. Walau pun made in Malaysia. Mungkin tunggu kereta model terbaru keluaran Proton...Insyallah.

4. Walau pun kereta sudah 14 tahun, tetapi masih setia memberi perkhidmatan kepada saya.Bagi saya kalau boleh digunakan dan repair "why not". Mungkin foreman pesawat tidak ramai kot...foremen kereta yang terdapat dimana sahaja.....Aduhai

5. Airod, apa khabar??

[By](#) hbsSpore  [on](#) December 29, 2009 5:15 PM

Mungkin betul juga agak-nya ,apa yang di-katakan oleh Ezri.Sabahagian engin MIG29 itu sudah hilang.Itu pasal nak di-jual...macam kes enjin F5E itu....???

[By](#) Gravity  [on](#) December 29, 2009 5:09 PM

YABhg Tun'

To be exact and what i understood was, we bought our jet fighters esp the MIGs are in tandem to the time and popularity. MIG 29 is at par as F16 or F18 or the british made fighters in the 90's as i cud remember but much cheaper. We can compare these fighters are as like making a comparison between japanese and continental cars on our road. Good continental cars are steady on the road as compared to japanese or korean cars but the maintenance are high and too sophisticated to maintain. The russian has a different business mind as compared to the corrupt americans. Russia dont lay a 'source code' on MIGs we bought.I would say both the fighter jets are sophisticated enough but not equal to one another. As what Tun said is the most perfect idea. Why not we maintain the MIGs rather than scrapped it of ! or at least keep it low for now or else the 'friendly scrapped dealer' would ship it again to argentina !They have started to do homework !


[By](#) Kadok  [on](#) December 29, 2009 3:50 PM

Salam Sejahtera Ybhg Tun,

By wajaperak

Tul la tu.. tapi gua lak kena hantam.. Awang Selamat yg sokong EPL.. dia kenal ronaldo..

Salam maaf Ybhg Tun.

[By](#) izham  [on](#) December 29, 2009 3:06 PM

enjin MiG-29 pun hilang jugak kot, sebab tu depa nak juai..hehe

[By](#) PenyokongTun  [on](#) December 29, 2009 3:03 PM

Salam Buat Tun yg Tersayang

saya merupakan penyokong kuat Tun dan akan terus menyokong Tun. mengenai isu yg dibangkit ni, saya amat berasa pelik bin hairan...kenapa isu ini perlu ada?

adakah dengan pembelian jet pejuang baru, takkan timbulnya isu maintenance and servicing

ni?...sedangkan klu kita beli kereta pun, tetiap beberapa KM pun, kita kene servis..adatla tu...ni

kan pulak jet pejuang...

persoalan pertama:

mengenai kenyataan menteri yg berkaitan, ia melibatkan pelaburan yg tinggi utk terus menyimpan jet berkenaan dan perlu dijual...klu begitu la pendapat beliau, sungguh malang bagi kami rakyat Malaysia mempunyai seorg yg dikatakan pemimpin kerana mempunyai buah fikiran yg hampah...saya ingin bertanya kembali kepada beliau, sekiranya beliau membeli kereta mercedes, dan sekira berlaku kerosakan pada kereta terbabit, adakah beliau akan terus menjual kereta tersebut dan terus membeli kereta Roll Royce pulak???...sedangkan kerosakan yang dialami adalah kecil, dan hanya memerlukan duit yg kecil utk dibaik pulih, tetapi sudah kata tak mampu...tapi pada masa yang sama mempunyai duit yg banyak dan "mampu"pulak membeli kereta yg lagi mewah dan jauh lebih mahal....aduhai, saya sebagai seorg rakyat Malaysia yang


celik dan cerdas kerana hidup dibawah kepimpinan Tun , tidak boleh dan senang utk ditipu lagi benda2 kartun dan sandirawa macam ni!

persoalan ke-2

rosak sangat ker miG-29 sampai nak kene jual?...kalo la betul rosak, takkan la ader negara lain bodoh sangat sanggup beli jet yg kita nak jual tu....diorg pun mesti pikir jugak pasal kos nak repair jet miG-29 kita yg dikatakan "rosak" tu...thanks Tun kerana menyampaikan hasrat rakyat yg lain utk bantah penjualan yg membazir ni!

saya memanjat doa kepada Allah, agar Tun Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah sentiasa sihat dan dipanjangkan umur, agar dapat terus membantu rakyat Malaysia dalam meyuarkan pendapat agar kami sebagai rakyat Malaysia tidak diperkotak katikkan oleh anasir-anasir yg tidak bertanggungjawab.

terima Kasih Tun!

[By HBT](#)  [on](#) December 29, 2009 3:03 PM

Ayahanda Tun,

By Zul Abdul Rahman on December 29, 2009 12:30 PM


If Zul Abdul Rahman knows how the world market operates, if he knows he will know that it is impossible for Malaysia to build their jets, and Malaysia is a small country with only 27 millions population, China has 1.3 billion...

Inferiority, jealousy and curiosity kill the cat.,,and many Malaysians have tried to build their own products, failed due to economies of scale and international rules and regulations, etc..., in reality, IMPORTS are much cheaper!!!!

Good day Ayahanda Tun.

P/S: Hi, owlz,

This should be the right attitude (self-research and self-analysis) when you come up to work.... however, Public Relationship is also very important if you want to be successful in climbing the ladder in politics or corprations.... take care.....

[By orgkg](#)  [on](#) December 29, 2009 2:59 PM

Ybhg Tun,

Baik pulih mungkin tak masuk. Beli baru ada komisyen besar. Kalau kalah dalam PRU 13 dah ada modal.

Inilah punca kepada segala masalah yang berlaku sekarang. Mereka masih tidak sedar dan tidak insaf.

Kalau lagu ni, berat...

[By ahmadalbab63](#)  [on](#) December 29, 2009 2:44 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya rasa keliru dgn kenyataan kos senggaraan MiG-29 mencecah 260j setahun. Maksudnya, untuk satu tahun tertentu sahaja atau setiap tahun? Kebiasaannya, kos senggaraan ada pasang surut seperti ombak laut. Jadi, adakah nilai tersebut adalah nilai yg tertinggi sepanjang penggunaan MiG-29? Saya rasa Menteri Pertahanan perlu beri penjelasan yg lebih detail kepada parlimen atau rakyat. Tunjukkan secara telus berapa sebenarnya kos senggaraan MiG-29 setiap tahun semenjak dibeli. Dan tunjukkanlah juga kos senggaraan pesawat lain seperti Hawk, C-130, F-18 setiap tahun. Barulah tau betul atau tidak kos senggara MiG-29 amat mahal. Dan kalau boleh, data-data ini disahkan oleh suatu badan bebas kerana ini soal hendak melupuskan harta negara yg baru berusia 15 thn. Mgkn pada rakyat biasa, 260j nampak tinggi. Tapi ia bukanlah

perkara teramat luar biasa dalam industri penerbangan terutamanya pertahanan. Tak percaya, cuba tengok kos senggaraan kapal perang pula, berapa?

Apakah pula jaminan kos senggaraan pesawat yg akan dibeli nanti adalah lebih murah?

Dari segi usia, rasanya MiG-29 lebih muda dari pesawat Hawk, F-5E, Nuri dan C-130. Bukankah pada adatnya, yg tua jalan dulu.


Dari segi keselamatan anak kapal, rasanya setakat ini baru 2 buah pesawat MiG-29 yang jatuh, tapi anak kapal semuanya selamat. Bagaimana pula dengan rekod Nuri, Hawk dan F-5E?

Saya rasa MINDEF dan menterianya perlu lebih telus dlm memberikan justifikasi kpd rakyat.

Dlm kes kehilangan enjin F-5E baru2 ni, seorang pegawai tinggi ATM mencadangkan supaya orang yg berkenaan dikenakan tuduhan 'treason'. Bagaimana pula kalau seseorang pegawai tinggi mencadangkan kpd menteri supaya dilupuskan harta rakyat yang masih segar bugar yang bernilai jutaan ringgit? Apakah tindakan yg perlu diambil? Bagi bonus. Takpun mgkn dinaikkan pangkat. Pelik tapi benar.

[By schumi](#)  [on](#) December 29, 2009 2:37 PM

Saya setuju. enjin jet pejuang biasanya boleh di perbaharui (refurbishment). engine exchange biasanya di recommend untuk ditukar setiap 24'000 running hours atau 30'000 running hours. manuverability MIG-29 juga lebih baik daripada pesawat2 keluaran US yang lain. kenapa F-5 yang sezaman dengan MIG-21 masih digunakan? sedangkan MIG-29 jauh lebih canggih berbanding pesawat pejuang yang di bangunkan oleh US sejak Cold war sehingga tahun 2000.

[By HBT](#)  [on](#) December 29, 2009 2:27 PM

Ayahanda Tun,

There is another terrible mistake that Dr M has made when he was the PM after 1997 (2nd) financial crisis due to "Lost of Trust"... and when he resigned, he did not rectify this problem.....that caused 3rd financial crisis in 2007 when Pak Lah became our 5th PM... whereby government's expenditure is higher than revenue (income before Tax)... and it is not safe and healthy for the nation..... in the long run....

After reading the comments by our bloggers, I found that our MOFinance tend to approve unnecessary things to be purchased, just to rich their supporters so that they will be elected as the next PM's supporters..., eg..PM rich we rich lah...., and this problem must be rectified in order to make BN won with true unity 1 Malaysia (3 in 1) action, tak payah lah with beautiful speeches and "cakapan syiok telinga" kerana rakyat bukan bodoh..

I sincerely hope that Tun Dr M will make sure he rectify this mistake by making sure FINANCE MINISTER position MUST NOT HOLD BY PM in order to Restore Trust and


Transparency.....if PM Najib tak mau dengar, means beliau is not really 1Malaysian PM loh....

Bloggers already started to talk about the BOROS attitude of Tok Jib and Nek Ros which may lead BN loss to DAP/PKR/PAS... This mistake must be rectified if we are talking about 1 Malaysia...with Transparency.....

If this problem is not rectify, we are wasting our time in RESTORING trust among races...and states..... and The Sarawak Government is A BAD Government in clearing land..for BAKUN DAM and they want another 50 dam... and this will threaten/increase our sea water level if too many of the trees are "potong"....

I hope that PM Najib remember what he said in Copenhagen...if he is using national attitude to deal with climate issue in Malaysia, then he is indeed wasting our time.....

Take care Ayahanda Tun.

[By RA](#)  [on](#) December 29, 2009 2:16 PM

Salam hormat Yg Bhg Tun,

Saya bersetuju dengan pandangan dan komen Tun yang tidak bersetuju jika benar kerajaan bercadang hendak menggantikan Pesawat Juang Udara MIG-29 buatan Rusia atas alasan kos senggaraannya begitu tinggi. Sudahkah Kementerian Pertahanan membuat penilaian yang terperinci dengan mengambil kira semua aspek seperti kos pembelian pesawat baru yang sudah tentunya berganda-ganda lebih tinggi dari kos senggaraan MIG-29 sedia ada. Mengapa negara India masih menggunakan pesawat yang sama tanpa bercadang menggantikannya dengan yang baru dengan alasan kos senggaraan yang tinggi. Usia pesawat MIG-29 masih belum terlalu lama jika dibandingkan dengan pesawat Helikopter Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia yang telah meragut banyak nyawa Juruterbang kerana mungkin diantaranya masalah teknikal disebabkan usianya terlalu tua.


Memang tidak dinafikan bahawa sesebuah negara seperti Malaysia amat perlu ada pertahanan dari segi kelengkapan ketenteraan yang terbaik, berkualiti tinggi dan bersesuaian dengan taktik dan teknik pertahanan yang diperlukan. Tetapi kita juga tidak harus lupa dan alpa bahawa negara Malaysia masih memerlukan banyak peruntukan lain bagi pembangunan negara dan rakyat Malaysia. Kecuali keperluan menggantikan pesawat pertahanan udara yang bermasalah sudah sampai ke tahap tidak boleh dielakkan lagi dan boleh menjejaskan keselamatan negara. Kita tidak perlu terlalu bersaing dengan negara-negara yang benar-benar mempunyai keupayaan kewangan yang tinggi untuk memperolehi kelengkapan pertahanan yang canggih dan termoden dimasa kini. Saya percaya dengan semangat juang yang tinggi wira-wira negara kita dengan kelengkapan pertahanan sedia ada negara Malaysia mampu dipertahankan dari ancaman musuh. Ekonomi negara Malaysia masih lagi memerlukan suatu lonjakan supaya dapat meningkat maju. YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia akan mengumumkan satu model ekonomi yang baru di awal tahun hadapan 2010 dengan harapan ekonomi Malaysia dapat dipulihkan sepenuhnya dalam jangka masa terdekat. Oleh itu cadangan menggantikan pesawat udara MIG-29 buatan Rusia atas alasan kos senggaraan yang tinggi wajarlah dibatalkan buat sementara waktu.

Sekain, terima kasih.

Wassalam Yg Bhg Tun.

[By nazrimalik](#)  [on](#) December 29, 2009 2:09 PM

hahaha! saya pun rasa mcm tu, enjin mig hilang lah tu hahaha!

[By SinarMentari](#)  [on](#) December 29, 2009 2:06 PM

Ybhg Tun,

Yes, it puzzles me with regards to decommissioning of the MiG29 instead of upgrading it. All fighter jets can be used for decades provided they are constantly upgraded and kept up to current technology. Look at the RAAF, they have been using the F/A-18A Hornets since the 80s and with constant upgrading, they are now better than our newer F/A-18Ds.

My question is:

1. Under whose administration was the decision to buy the MiG29 made and what was the basis of the buy? Capability or to stay away from US suppliers who insist on FMS (Foreign Military Sales) which does not allow kickbacks into BN coffers, while Russians allowed barter trade and room for mark-ups?
2. Under whose administration was the RMAF's aircraft fleet servicing contractorized to AIROD, ATSC and etc, allowing servicing cost to escalate dramatically whereas under RMAF, all servicing was done by trained servicemen?

3. Under whose administration were DPA (Defence Procurement Agreement) Contract holders introduced, allowing these Bumi companies three-fold markups of any defence component purchase, thus further depleting RMAF's defence expenditure kitty?

Finally,

1. Engine loss is a criminal act, hang the criminals and not the RMAF.
2. Dont compare service life of a Proton Saga to a jet fighter. Even a retard knows the difference. And my Proton's engine overheated in its first 3 months of service!

3. Appreciate the soldiers who are putting their lives in danger while operating equipment fitted with substandard parts purchased by local Bumi DPA holders from third party suppliers in Eastern Europe. Your cronies make money and widows at the same time.

HAPPY NEW YEAR from someone who may lose his life soon enough if current practices go on!

4.

[By mok9929](#)  [on](#) December 29, 2009 1:14 PM


this country is in deep shit hole since you left the office Tun.....malays are even more backwards now than then....even more discriminated by others and look down upon. Now, i won't bother to read or watch the news anymore. There's nothing I can do but to pray so that my children and grandchildren will have the opportunity to enjoy what I've enjoyed as a malay Malaysian.

[By hang nadim 2020](#)  [on](#) December 29, 2009 1:09 PM

DEar Tun,

What is the government want to do with all these jet fighter? Is it going to be used to raid all the Pakatan Rakyat Stronghold or to beat the crap of the Lee Kuan yew Regime or better, to defend Palestine from the mighty Israeli an. A wise man once said "KEEP YOUR FRIEND CLOSE AND YOUR ENEMY CLOSER". What is the statement that will emerge from purchasing this flying metals? It is better that the government pursue the building of Nuclear Energy and Nuclear Weapon so that BARISAN NASIONAL can have a strong reason to be in the government due to the importance of having better experience in governing this country towards stability and control.

Tun, it's like what Pakistan and Iran government did to maintain control and power to their people.

[By ex-sic](#)  [on](#) December 29, 2009 1:01 PM

Tun yang dihormati.

Saya adalah peminat bidang keketenteraan walaupun bukan seorang tentera. Setiap bulan saya menghabiskan sejumlah wang untuk membeli majalah-majalah yang berkaitan dengan pertahanan dan ketenteraan dari dalam dan luar negeri. Perkembangan bidang pertahanan negara saya ikuti dengan rapat.

Pekembangan mutakhir ialah keputusan kerajaan untuk melupuskan pesawat pejuang MIG -29 buatan Rusia yang baru digunakan kurang 20 tahun sahaja. (Dibeli pada zaman Tun untuk menggantikan A4 Skyhawk)

Alasan yang diberikan oleh pihak kerajaan ialah kos penyenggaraan yang tinggi. Saya sebenarnya tidak percaya bahawa kerajaan terpaksa melupuskan MIG-29 disebabkan faktor tersebut. Banyak negara lain yang masih menggunakan MIG 29 seperti China dan India, dan tidak pula terdengar atau terbaca tentang hasrat negara-negara tersebut untun mengganti dengan pesawat lain.

Jangka masa kurang dari 20 tahun adalah suatu umur yang masih baru kepada satu- satu pesawat pejuang. Malah penggunaan pesawat pejuang ringan Hawk yang adalah lebih lama (dibeli sebelum MiG 29). Malah pihak USAF sendiri masih menggunakan pesawat pejuang F 16 yang jauh lebih berumur dari MIG 29 kita. Malahan ada negara seperti Vietnam, Kemboja dan beberapa negara lain yang masih menggunakan versi-versi yang terdahulu seperti MIG-21. Dari segi kemampuan manuever dan persenjataan, pesawat MIG 29 dikatakan setanding dengan pesawat F-16 buatan Amerika. Pihak TUDM menggunakan pesawat ini untuk tugas pemintasan. Walaupun MIG 29 terdapat beberapa kekurangan seperti tidak dapat terbang pada waktu malam seperti pesawat F-18 A/B Hornet milik TUDM, tetapi sehingga kini ia masih lagi sebuah pesawat yang digeruni oleh pesawat-pesawat NATO.

Saya percaya ramai dikalangan anggota TUDM sendiri yang tidak bersetuju dengan keputusan ini. Pihak kerajaan perlu membatalkan keputusan tersebut. Malahan desas-desus yang mengatakan bahawa pihak kerajaan akan menggantikan dengan pesawat satu enjin Gripen buatan Sweden adalah amat tidak munasabah kerana dari segi kemampuan MIG 29 adalah lebih baik. Jika kerajaan benar-benar ingin melupuskan MIG 29, bermakna pihak kerajaan perlu mencari pesawat yang lebih baik dari pada pesawat tersebut seperti pesawat MRCA yang lain seperti SAAB atau MIG -35.

Melupuskan MIG 29 pada tahun depan juga bermakna, pesawat-pesawat yang ada dalam inventori TUDM masakini seperti Sukoi-30 dan FA Hornet terpaksa bekerja lebih keras sebelum tiba pengganti lain.

Mengapa perlu terburu-buru.? Apakah ada pertimbangan lain (kepentingan pihak-pihak tertentu) untuk mendapatkan keuntungan berjuta dari urusan pembelian pesawat pejuang baru atau pun keuntungan dari penjualan MIG 29 kepada pihak negara ketiga?..

Kepada pihak yang diberi amanah oleh rakyat, buatlah keputusan demi rakyat.. Bukan demi diri sendiri atau kumpulan sendiri. Rakyat bukan semuanya terlalu bodoh untuk menilai segala keputusan pihak kerajaan, walaupun dalam bidang ketenteraan yang jarang-jarang diperbincangkan. Cukuplah dengan kes kehilangan 2 enjin pesawat F-5E tu... Untuk DS Ahmad Hamidi, anda perlulah membuat keputusan yang betul dan tepat.. Jangan terlalu mengikut nasihat dari pihak-pihak yang berkepentingan... Buat pihak TUDM anda perlulah membuat pertimbangan mengikut kepakaran anda, bukannya mengikut telunjuk orang-orang tengah yang ingin mencari keuntungan.

Sekian terimakasih...

By wajaperak  on December 29, 2009 1:00 PM

Assallammualaikum warah matullah hiwabarokatuh..

Semoga diizinkan Tun..Terima kasih..

Alahai Kadok..

Berapa kali England jadi Juara Dunia..?

Brazil 5 kali..Itali 4 kali..Jerman 3 kali..EPL menyumbang kepada Piala Dunia ke?

Piala Eropah?..Juara 9 kali Real Madrid dan Juara 7 kali AC Milan..

Wakil England?..Jadilah 5 kali..Itupun kali kelima di menangi dengan pertolongan referee!!Dan di sokong kuat oleh Carlsberg..Carlsberg pun Carlsberg la..aku butakan diri demi keseronokan..syok sendiri..

Saya berpendapat mereka yang menyokong England dan EPL kerana Colonial Mentality..

Nabil..jangan peluk perempuan depan khalayak ramai dan menghalalkannya!!..Lu pikir la sendiri..

Terima kasih Tun..

[By goggie on](#) December 29, 2009 12:54 PM

Salam Tun,

How I wish we forget about Jet Fighters. Simply do we hv enough pilots around! Are our pilots sustainable? Lets review our defence capabilities AND management

If we are to have any purchasing or business transaction in military, corruption in the ARMY must scored 1st and with UTMOST PRIORITY!

[By ABD on](#) December 29, 2009 12:31 PM

A'kum ybhg Tun,

Itulah malangnya kita sebagai bangsa pengguna nak mempertahankan negara pun terpaksa menggunakan kelengkapan orang lain. Beli senjata yang hebat kalau dikurangkan satu skru pun kita tak tau. Diharap kuliah kuliah di masjid dapat merangsang umat islam menjadi umat pencipta jangan bergantung pada doa semata untuk mempertahankan agama, nusa dan bangsa.

[By Zul Abdul Rahman on](#) December 29, 2009 12:30 PM

MiG 29 ANALOGY

DEVELOP OUR OWN JET FIGHTER

If I ask a simple question in here; How many of us knows what type of fuel is suitable for MiG 29? or a very simple question; What is MiG 29? How is the engine?

The MiG 29 Vs BAMBOO CANNON ANALOGY

Can anybody tell, who teach our kids (especially in the village) to make/create a bamboo cannon? (meriam buloh). Did the British teach us the technology since long ago? Yes? No? so then who? Think about it.

RDD (RESEARCH DESIGN DEVELOPMENT)

Develop our own, our brain cells are very good and very active. We Malaysian are very good in copying things. Why don't we get to 'the turning point' instead of 'copying' we change to 'developing'.

BAIKPULIH?

Definitely, R&D (Research & Development) will help us. KAIZAEN (PDCA) will double-check the security, integrity & performance. SIX-SIGMA, will ensure transparency. LEAN-SIGMA, Will ensure the cost saving.

MiG & PETRONAS

Goodness. We can develop a superb jet fighter standard fuel & lubricants. Alhamdulillah, 1 day, PETRONAS will develop their own AEROPLANE, JETFIGHTERS, etc, and the best thing is: a car with the jet fighter engine named: PROTOPETRONAS.

Imagine, a superb car that combined PROTON engine with PETRONAS Technology. PROTO itself means; 'First', so, PROTOPETRONAS is 'The First'.

WHO DID THIS?

'Baikpulih, Kenalpasti, Reka, Naik Taraf, Jenama Sendiri & Jual'. CHINA did this. CHINA is now 'history in the making'. Why not us? What's so difficult to design and make a jet fighter engine?

Salam hormat Tun M & Tun Siti, :) salam penuh kasih dan sayang.

[By](#) AngahBanjar [on](#) December 29, 2009 11:57 AM

Salam Maal Hijrah buat Tun sekeluarga.

Buat pertama kali sy menulis di sini. Pembelian Aset tentera yg baru memang satu strategi ketenteraan yg baik, tapi strategi yg baik juga buat mereka2 yg mendapat laba dari urusan tersebut.

Cuba renung dan tilik, sampai bila kita mahu jadi pembeli saja sedangkan orang lain cuma beli satu enjin lama.. sudah boleh buat enjin sendiri.. agaknya. Apa kata kita curi satu.. buat banyak ..kan lebih baik. Sekarung kata buat renungan.

[By](#) Budi kita [on](#) December 29, 2009 11:48 AM

Dear Tun

It seems to me how easy to get millions from government coffer. I have another suggestion, if we really need to replace it, why not we ask Boustead Engineering to handle the purchase it or we make a policy all the military equipment including various type of bullet or missile should be handle by Boustead Engineering. If Prime Minister must agree, then I would say he is really clean.

[By](#) ibnu rayhan [on](#) December 29, 2009 11:28 AM

Salam buat tun,

Terlebih dahulu saya kepigin bicara tentang realiti kapal selam dalam konteks Malaysia. Saya angkat tangan setuju dengan langkah Tun beli kapal selam semasa jadi PM dulu. Kapal selam memang mahal dan jika sekali imbas memang tk perlu tetapi itu bagi mereka yang memandang secara superficial.

Jika ditanya pada anggota Navy kita dan juga para pengkaji pertahanan pasti jawapannya berbeza. Kapal selam sangat penting bagi melengkapkan pertahanan 3D pertahanan maritim negara. Malaysia yang lebih kepada negara kepulauan wajar memiliki angkatan laut yang komprehensif. Platform permukaan sahaja tidak memadai. Kita semua mesti ingat "jika kita lemah pasti kita dibuli tetapi jika kita kuat pula kita dikeji!!"

***** Berbalik


kepada persoalan utama berhubung pesawat MiG yang dikatakan bakal dilupuskan. Pada perkiraan saya tindakan kerajaan ini didorong oleh keperluan untuk mewujudkan sebuah lagi skuadron MRCA di samping Sukhoi. Maka untuk menjimatkan kos, skuadron MiG perlu dilupuskan dan berkemungkinan besar akan digantikan dengan F/A 18 E/F.

Kerajaan menjangka langkah ini akan memberi pulangan terbaik kepada TUDM dari segi cost effectiveness dan cost benefit. Memang nampak seperti forward thinking yang hebat. Saya agak disebabkan tempo pengoperasian MiG ini yang sangat tinggi menyebabkannya cepat komdem. Walauapapun bak kata Tun wajar juga difikirkan belanja yang banyak telah kita keluarkan untuk memakai pesawat ini belasan tahun sebelum ini.

Itu dari segi wang ringgit. Bagaimana pula dengan modal insannya?? Kepakaran yang dimiliki oleh krew2 kejujuruteraan dan penyelenggaraannya yang telah dibina bertatih selama bertahun tahun nampaknya bakal sia-sia saja. Untuk menyesuaikan diri dengan sistem pesawat baru makan duit dan masa yang bukan sedikit.

Mungkin kalau syarikat Malaysia seperti ATSC tidak mampu lagi untuk melakukan prosese MRO atau PPRW mungkin kita boleh hantar pesawat2 MiG kita keluar negara, kepada firma HAL di India misalnya. Atau pun lebih baik dihantar kepada firm asalnya MiG di Russia.

Kalau kita berkera juga mahu pesawat dari Amerika kita mesti ingat Amerika mengenakan syarat yang ketat dalam pemerolehan kelengkapan perang darinya. Tapi itu bergantung kepada pihak mana la. Jika Singapura semuanya boleh sedangkan Malaysia pelbagai restriction dikenakan. Makanya saya berpendapat status quo TUDM hari mesti dikekalkan. Kalau nak tambah F/A 18 tambahlah tapi jangan sampai MiG dilupuskan. Teknologi MiG belum lagi boleh dikira obsolete. Firma MiG di Russia telah melaksanakan program peningkatan kemampuan dengan melahirkan MiG versi baru seperti MiG-29 SMT, KUB dan OBT.

[By nmjnh](#)  [on](#) December 29, 2009 11:28 AM


Tun,

Masalah utama Malaysia ialah rasuah. Jika root cause ini tidak dibanteras berterusan keujung pangkal, tidak ajaib jika banyak lagi pendedahan akan dilakukan tentang kelemahan dan masalah negara.

Kes MIG hanyalah salah satu pembaziran wang negara. PKFZ macammana? Video Lingam? Royalti Minyak? Something must be done immediately to curb the corruption from top to bottom. When I said top its from Minister down the line.

Kalaulah mengikut trend sekarang dimana hanya anak ikan bilis ditahan, nampaknya sia-sia sahaja laporan audit negara dan penubuhan suruhanraya diraja.

<http://nmjnh.wordpress.com/2009/12/08/projek-pembodohan-orang-melayu/>

[By capello08](#)  [on](#) December 29, 2009 10:45 AM


I must say that I need to comment in this blog and hope this will get published.

1. To build our own supersonic fighters is a tall order, yes it is realistic but we can't even invent an automobile engine even - let's start with our first commercial car engine before talking about airplanes. However, we have to start somewhere and soon.. in building our aircraft (amid a lot of sabotage from the likes of US) as it may take 30 years to materialise.

2. Change General, change weapons (and vendors too!). This is an old saying. We changed jetfighters, tanks and ground troops weapons. With a lot of money wasted on 'middle men' - it is simply stupid not to build our own. Maintenance is another thing, should study the costs and internal capabilities (like MiG) upon purchase. I don't think they didn't do that last time and amused why they're saying the costs is too high? Change General, change weapons.. (we must have a heck of fans of US, French, German, Italian, Russian, Polish and a few other weapons producers (of the same type of weapons))!

3. Perhaps it is becoming more feasible and much, much cheaper to upgrade enforcement (and walls) along the borders i.e. Thailand, Singapore, Indonesia in West Malaysia and Philipines in East Malaysia. What's the point of having fast planes when there are too many loopholes letting in too many illegal immigrants? Illegal immigrants probably posing a #1 threat to the national security nowadays!

4. Why not quickly splash the cash onto building the crooked bridge to Singapore - then our port becomes cash cow- then our economy blooms big time - more profits and funds - then can finance our fleet of weapons, or can start our weapons building program..!!


[By pppz](#)  [on](#) December 29, 2009 10:40 AM

Salam YAB Tun,

Dalam negara kita sedang menuju tahun 2020 nampaknya semua yang melebihi 20 tahun dianggap lapuk dan perlu diganti atau dibuang. Adakah itu satu daripada prasyarat untuk dipenuhi sebelum sesebuah negara itu dikira negara maju?

Atau mungkin ini semua ada kaitan dengan ayat QS20:20 - "Maka dilemparkannya maka tiba-tiba ia hidup merayap."

Wassalam.

By owlz  on December 29, 2009 10:05 AM

The MiG-29 is a 4th generation jet fighter aircraft designed in the Soviet Union for an air superiority role. The MiG-29 along with the Su-27 were developed to counter new American fighters such as the F-15 Eagle, and the F-16 Fighting Falcon. To understand and predict the behavior of both aircrafts (US and Russian made) must need a deep knowledge and understanding about range and fuel system, sensors, armament and even some composite materials of the fighter aircraft. Just being a silly idiot ministers, general or any high-rank army officer cant leave you alone genius to know what to buy and when to buy. Yesterday, under the Tobacco Products Control Regulations gazetted by the Health Ministry, the cheapest cigarettes in the market will cost RM6.40 per pack of 20s starting Jan 1. This means cigarette would not be allowed to be sold with labels carrying words such as "discount", "special price", "special offer", "promotion", "limited edition" or any other terms that indicate the offer of a price that is cheaper than the retail price on the cigarette packs. Its funny even to educate the Malaysians, the ministry has to struggle and put a vast forced effort like that. For a small and simple thing the nation already needs force to educate the civilians, how about to educate the "high-rank" civilians such as ministers, the generals, Datuks and even all Tan Sri s'? Are they good enough to understand the economy, aircraft, distribution, laws and the basic method on how Proton or Petronas are operated? What they know is just money, money and money. For an example, it is same also applied to the double-decker buses which must only be handled by trained, professional drivers — and the Commercial Vehicle Licensing Board (CVLB) must take that into consideration when approving permits, according to the Malaysian Institute of Road Safety Research (Mios). If they handle Malaysia like crazy and full of greed, the civilians will be suffering for a few years later. We'll see.

p/s: Salam and Hye to Ir_Engkuli, rahim, nizamnazar, HBT, fareast, MalayJessyJames, Redhuan D. Oon, hamzah radzi, Isac Bumiyang, irasyd, onlooker, samuraimelayu, Bajiz, pakbelalang, Teik Chun, col tom and others.

- God Bless Malaysia -

By antikmalaya  on December 29, 2009 9:55 AM

Tun yang dikasihi,

Saya pun tak pahami Tun! Takkan kita berterusan nak buat silap.

1) Siapa yang akan dapat komisen ni?

2) Tak bolehke kalau kerajaan yang buat komisen? Susah sangat ke nak negotiate sampai terpaksa pakai orang tengah? Kalau tak pandai, kena belajarlah sampai pandai. Kalau tak boleh, buat apa jadi Ketua Angkatan Tentera. Tapi yang saya tau masa zaman Tun pun ada yang buat banyak komisen jadi orang tengah. Kenapa dibiarkan?

3) Jadi, saya rasa, kalau benda ni tak perlu, tak payahlah kita buat. Zaman dah berubah. Kalau kita tak berubah, nanti kita akan diubah. Lepas tu nangis air mata darah pun takkan dapat balik tanah airku ini.....Musuh sedang menunggu kita buat kesilapan!

4) Banyak2lah kita ambil teladan dari sejarah lampau dan kesilapan yang lalu.....

Time is no longer on our side! It's SOS now! BN must survive!

[By lord~drake](#)  [on](#) December 29, 2009 9:55 AM

salam all..

this is imo a main issue gov have to deal with..

changing these interceptors under the 'obscene maintenance' excuse is a bad one. we need to remember tho that our mig-29s is a custom made N model which feature, among others, better avionic system.

as what che det have said, there are a lot of countries still using this aircraft, which was designed to counter the f15 eagle of us. n i believe one of che det point is making someone back there laughable... "7. Jika pesawat pejuang yang berharga ratusan juta hanya tahan 20 tahun, lebih baik kita tidak ada pesawat pejuang."

it's not the matter of the aircraft maintenance actually, but how they manage the aircraft..


[By asi](#)  [on](#) December 29, 2009 9:40 AM

Dear Tun,

Mungkin saya nyatakan disini out of contact, tetapi saya memang risau kalau Institut Jantung Negara(IJN)diswastakan.Cubaan telah pun dibuat semasa DS Najib menjadi PM.


Sumbangan TUN yang paling bermakna kepada rakyat adalah penubuhan IJN.Banyak nyawa manusia telah diselamatkan oleh IJN. Paling signifikan lagi membantu orangramai yang miskin, pesara dan kakitangan kerajaan. Orang kaya pun mendapat menfaat darinya.

Sekarang ini, pemimpin senang senang membuat tindakan yang terang terang mencurigakan. Itulah dia orang yang tidak pernah merasakan susah.Samalah dengan orang yang daif miskin tidak pernah merasakan nikmat kemewahan,bagi mereka kesusahan adalah perkara biasa.Allahhuakbar.

[By mgpunya](#)  [on](#) December 29, 2009 9:35 AM

YABhg Tun,

On a different note, " PAS ready to allow non Malay Muslim MB for Kelantan " says, Datuk Nik Abdul Aziz Mat. That statement by the Kelantan MB is like, " putting the cart before the horse ". Being outside of Kelantan, it would be interesting for us to know, 1. How many " Non Malays " PAS YBs are there currently in Kelantan to choose from as potential MB candidate and, if there isn't any, and to prove Nik Aziz's honesty in making that statement above, 2. How many " Non Muslim" candidates did he shortlisted and endorsed to stand as PAS candidates at the recent State level General Election.

[By azlan](#)  [on](#) December 29, 2009 9:28 AM

Tun,

Malaysia perlu buat sendiri senjata dan jet pejuang sebab beli pun dah beratus juta dan makan billion juga , apa salahnya untuk jangka panjang R&D untuk buat senjata dan jet pejuang untuk keselamatan negara kita.Seperti yang kita tahu singapura pun buat bom berantai, agak2lah bom berantai tu nak guna kat mana? kalau kita fikir dalam hutan sesuai ,mungkin singapura dah fikir

macammana nak gunakan bom tersebut. Saya agak risau dengan sikap Singapura yang tidak pernah menganggap kita jiran tetapi seperti musuh atau sebuah negara yang mereka ingin kuasai, tambahan pula penasihatnya Israelkan. Saya cadangkan R&D tersebut boleh di jalankan bersama oleh Malaysia, Indonesia dan Brunei. Jika terlaksana projek seperti ini kita pada masa akan datang dapat berjimat berbillion ringgit dan juga dapat menjual senjata juga. Senjata ini bukannya untuk menunjuk kekuatan pada org lain tetapi untuk menjaga keselamatan negara. Pada para pemimpin Malaysia utamakan keselamatan negara dahulu daripada kepentingan diri. Pangkat akan hilang jika negara sudah diambil org dan bangsa akan musnah serta tertindas kemudian hari jika kita masih mempermainkan urusan perolehan tentera Malaysia.

[By 72hazard on](#) December 29, 2009 9:20 AM

Assalamualaikum Tun,

Secara ringkas, negara telah membeli 16 buah pesawat pejuang Mikoyan MiG-29N Fulcrum dan 2 buah MiG-29NUB Fulcrum sekitar tahun 1995. Perbezaan antara kedua-dua pesawat ini adalah MiG-29N mempunyai 1 tempat duduk manakala MiG-29NUB mempunyai 2 tempat duduk. Fungsi pesawat-pesawat ini dalam TUDM adalah sebagai pesawat pemintas. Pada masa ini pesawat-pesawat ini dikendalikan oleh 17 Skuadron berpangkalan di Pengkalan Udara Kuantan.

Pada ketika ini dari keseluruhan 18 buah pesawat tersebut hanya 16 buah sahaja yang berfungsi disebabkan 2 buah telah mengalami kemalangan dan sehingga kini masih belum diganti.

(perbetulkan jika ada kesilapan)

Jika dilihat pada tarikh penerimaan pesawat tersebut iaitu pada tahun 1995 bermakna ianya telah berkhidmat selama 14 tahun dalam TUDM. Jika difikirkan adalah tidak munasabah pesawat-pesawat tersebut perlu dijual.

Sedar atau tidak, ianya memberi impak besar kepada sistem pertahanan udara negara. Ianya juga akan menambah beban kerja bagi dua skuadron yang mengendalikan pesawat Su-30MKM Flanker C dan F/A-18D Hornet secara terus akan meningkatkan kos selenggara pesawat-pesawat tersebut.

Mungkin ada benarnya kos selenggaraan pesawat MiG-29 agak tinggi. Namun begitu, dari maklumat yang saya perolehi dari majalah pertahanan tempatan, isu MiG-29 ini membabitkan permasalahan selenggara, yang disebabkan 'syarikat orang tengah' tidak boleh mendapatkan alatganti dengan kadar segera. Pada pandangan saya kaedah menggunakan 'syarikat orang tengah' ini juga boleh menjadikan harga alatganti melambung dari harga asal pihak pembekal. Ini menyebabkan ada sesetengah pesawat-pesawat tersebut terpaksa menjadi mangsa kanibal dimana dijadikan pesawat untuk mendapatkan komponen alatganti.

Spekulsinya, adakah:

1. Menteri pertahanan mengambil langkah dengan menjual pesawat-pesawat tersebut untuk menghapuskan sistem 'syarikat orang tengah' dan mendapatkan terus khidmat dari pembekal atau
2. Sekadar untuk merebut peluang untuk mendapat komisyen dengan pembelian pesawat baru. Sama-samalah kita renungkan.

Sekian, wasalam

72HAZARD

Seremban 291209 10:35am

[By mr z on](#) December 29, 2009 9:09 AM

salam dr M,

this is my first entry in your blog.as an aeronautical engineer in malaysia, ive read a lot of aerospace advancement in our beloved country in malaysia. thanks for your precious vision a quit time ago, our aerospace industry now are really going fast either for civil or military aspect. what i have in mind right now, why not, rather than we buy a what so called a sophisticated jet fighter with NO SOURCE CODE & US LAW, why not we develop our own jet fighter. yeah, it sound a bit ridiculous for us to build one, but i believed with our PM intention to build a F1 car, that starts from scratch, why not we starts to invest some money to build fighter airplane. a thousand steps start from a single steps.maybe in this two or three years, malaysia can starts to design and analysis its performance and specification. and when the economy is in its right tune, we can starts manufactured it.

another thing, i think human source and technical knowledge for aviation in malaysia is not a big challenge because our country is equipped with all of that.CTRM, SME aerospace, ACM composites, TUDM, PDRM air wing and other technical aviation companies in malaysia should have a complete package if we make a combination of them.starts from design, system integration, manufacturing and maintenance, we have those.

if we can build a UAV (ctrm), we also can build a fighter airplane.

think hard, and we will achieve it.

mr z

aeronautical engineer malaysia

[By](#) [SCCS](#) [on](#) December 29, 2009 9:07 AM

The Mig-29's should be maintain for at least 10 more years (until year 2020) provided its been upgraded. However its not like the RMAF don't want to upgrade it, its the cost of upgrading via a local company is causing a lot of money. The local middleman is hiking up the cost of spare-parts several times and this is bleeding RMAF operational & maintenance cost.

If only the government allows RMAF to do the upgrading work directly with the Russians (or Indians) , then there is a good chance for the Mig-29 to stay on. Until then, the limited fund pool of RMAF will just be depleted severely owing to these increased cost.

[By](#) [Han Solo](#) [on](#) December 29, 2009 9:06 AM

Dearest Tun,

1. Jet engines disappear without a trace
2. Cover-up conspiracy: scrap the MIGs
3. Purchase new jets. We can afford it

[By](#) [Ir_Engkuli](#) [on](#) December 29, 2009 8:47 AM

Kepada Tun,

Selamat Pagi kepada Tun dan sekeluarga. Diharap Tun dan sekelurga sentiasa sihat selalu.

Saya amat tertarik dengan isu penukaran pesawat MIG29 kepada pesawat baru, yang keinginan ini telah disuarakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia. Walau bagaimanapun, satu menjadi tanda tanya saya kenapa pesawat ini amat awal ditamatkan perkhidmatannya, kerana seperti yang dinyatakan oleh Tun sendiri, pesawat ini belum pun mencapai hayat 20 tahun dalam perkhidmatan TUDM. Benar kata Tun, pesawat MIG29 masih boleh diperbaiki, dan saya rasa jurutera2 aerodinamik tempatan boleh memikirkan bagaimana menyesuaikan beberapa alat gantian yang lain jika alat gantian yang asal amat mahal. Seperti pesawat TUDM yang dahulu, A4 Skyhawk PTM. Maksud PTM itu sendiri ialah Peculiar To Malaysia. Kalau diimbak kembali, pesawat MIG29 jenis (N) itu sendiri hanya dikhaskan untuk TUDM sahaja kerana kita boleh menggunakan sistem persenjataan pesawat tersebut yang dikeluarkan hanya sesetengah negara sahaja, kalau tidak silap saya yang hanya mempunyai negara pengeluar yang mempunyai

hubungan diplomatik dengan negara kita. Seperti di India, pesawat MIG29 mereka menggunakan sistem persenjataan keluaran daripada negara Israel.

Jikalau negara kita mengatakan kita terpaksa menghantar pesawat MIG29 kita balik ke Rusia untuk diselenggara, kenapa kerajaan tidak mempunyai cadangan ini, kita jemput pihak Rusia untuk membuka kilang alat gantinya MIG di Malaysia sahaja? Seperti yang dilakukan oleh negara India dan China? Kita bukan hanya boleh pengilang pesawat MIG keluaran Malaysia, kita juga boleh meningkatkan jumlah pendapatan negara juga. Negara2 lain yang menggunakan pesawat MIG juga boleh menyelenggarakan pesawat MIG mereka di Malaysia kerana kita mempunyai kilang pengeluaran alat MIG di negara ini. Kerajaan juga tidak perlu berbelanja banyak.

Sekian, terima kasih.

[By adik adik on](#) December 29, 2009 8:43 AM

Perlu kita meningkatkan ketenteraan.

Ketenteraan untuk pertahanan,

bukan untuk penjajah seperti Amerika dan Israel.

Maka itu perlu kita memahami apa senjata yg di perlukan dan diberi keutamaan.

Terbukti penjajahan US,Israel,Britain lebih

bergantung pada Udara dengan Jet pemusnah mereka.

Kita perlu technology yg bolih menankis jet pemusnah ini.

Ketenteraan Udara mereka lah yg menguatkan mereka.

Senjata bukan saja berbentuk ketenteraan,ia juga merupai

economy yg baik,cara menyelesaikan masalah dengan baik atau sebagainya.Adalah lebih berkesan kita lawan api dengan air daripada api dengan api.

Apa gunaya kita beli senjata yg tak mampu melawan mereka,mereka takkan jual senjata yg bolih memusnahkan mereka.

Kita perlu explore,tak bolih bergantung pada US,perlu juga dari musuh US seperti Korea,Poland dan sebagainya.

Apa yg perlu adalah apa senjata yg kita perlukan untuk pertahanan bukan apa yg nak dijual mereka.

[By rahim on](#) December 29, 2009 8:39 AM

Y.A.Bhg Tun,

1. Dari masa kemasa rakyat didedahkan dengan pelbagai isu dan kelemahan kerajaan melalui blog yang Tun tulis sendiri. Paling besar adalah isu pembatalan jambatan bengkok dengan singapura dan juga pembatalan projek landasan kedua Johor Baru ke Padang Besar. Terkini Tun dedahkan peranan pembekal senjata atau middlemen dalam pembelian kelengkapan tentera kepada Kerajaan yang menyebabkan kos pembelian berlipatganda.

2. Persoalan timbul bagaimana proses membuat keputusan dalam Kerajaan samada dibuat secara kolektif oleh Kabinet atau oleh Menteri yang berkaitan sahaja. Saya faham walaupun keputusan dibuat oleh sesorang Menteri tetapi kelulusan Kementerian Kewangan mesti diperolehi sekiranya keputusan tersebut melibatkan peruntukan yang besar seperti pembelian peralatan tentera.

3. Kebiasaanya Menteri memberi petunjuk dan arahan tetapi proses membuat keputusan dibuat oleh pegawai-pegawai teknikal dan juga kelulusan Lembaga Tender. Disinilah peranan penting yang dimainkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian selaku Pengerusi Lembaga Tender yang membuat keputusan.

4. Kesalahan kebiasaannya diletakan kepada Menteri yang bertanggung jawab tetapi prosesnya dilakukan oleh pegawai teknikal yang membuat perakuan teknikal dan juga Lembaga tender yang membuat keputusan terakhir. Dalam kes pembelian alat-alat pertahanan misalnya peranan orang tengah tidak boleh disalahkan oleh kerana itu adalah profesion mereka. Mereka melihat kepada peluang yang ada dan kebiasaan mereka mempunyai hubungan baik dengan semua peringkat yang membuat keputusan. Mereka main golf dengan pegawai tentera kerana pegawai tentera yang akan membuat perakuan teknikal. Mereka juga akan buat baik dengan pegawai awam di MINDEF dan Kementerian Kewangan kerana keputusan Lembaga Tender menentukan segalanya. Menteri sebenarnya terlepas dari proses, kebiasaannya bersetuju dengan keputusan Lembaga Tender.

5. Pegawai-pegawai awam yang menganggotai Lembaga Tender perlu ada jati diri yang tinggi supaya bebas dalam membuat keputusan yang melibatkan wang negara berbilion ringgit. Peranan anda sangat penting. Pertimbangan yang dibuat mesti ambil kira kepentingan negara mengatasi kepentingan siapa sahaja samada Menteri atau Perdana Menteri sendiri. Elakan ada conflict of interest dalam membuat keputusan dan jangan dipengaruhi oleh bisikan dipadang golf. Akhirnya rakyat akan tahu siapa sebenarnya yang bertanggung jawab.

6. Budaya menyalahkan orang tengah harus dibuang kerana setiap orang akan berusaha untuk menjadi orang tengah sekiranya ada peluang dan keuntungan yang besar. Pembuat keputusan yang paling penting dalam menentukan negara mendapat bekalan yang terbaik.

6. Dalam dunia perniagaan yang kompetitif, semua pihak akan cuba dengan apa cara sahaja untuk mendapatkan peluang dari perbelanjaan kerajaan yang besar. Kita tidak boleh menyalahkan Syarikat-syarikat yang besar mengambil pesara Kerajaan berkhidmat dengan mereka kerana itu merupakan kaidah yang paling berkesan kepada syarikat berkenaan. Lagi pun pesara berkenaan tidak ada hak lagi mempengaruhi keputusan Kerajaan.

7. Kejujuran dan integriti pegawai yang menganggotai Jawatan Kuasa teknikal dan Jawatan Kuasa atau lembaga Tender adalah sangat penting. Sekiranya ada paksaan atau arahan dari atasan untuk mempengaruhi sesuatu keputusan maka laporan perlu dibuat kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia walaupun arahan tersebut datang dari Menteri yang berkaitan sendiri. Ditangan anda terletak masa depan negara. Rakyat sudah bosan dengan pelbagai isu berkaitan perbelanjaan Kerajaan.

8. Menteri-menteri harus akur kepada peranan pegawai tadbir dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Peranan Menteri adalah secara kolektif dalam Kabinet membuat keputusan dasar. Pelaksanaan adalah dibawah kawal selia KSN melalui KSU dan Ketua Jabatan berkaitan. Kosongkan pejabat Menteri daripada orang-orang yang ingin menagih habuan dari sokongan politik mereka. Peluang untuk kaya hendaklah dibuka secara terbuka kepada semua orang dan bukan kerana ada pengaruh politik. Semua orang boleh jadi orang tengah dan membuat tawaran masing-masing dan dipertimbangkan mengikut merit masing-masing. Tidak ada bisikan dalam kelambu atau meeting berjam lamanya diatas padang golf atau berfoya di Kelab Karoke bagi mendapatkan kontrek Kerajaan.

9. Masa depan Barisan Nasional dan UMNO terletak kepada integriti perkhidmatan awam. Tempiasnya diterima oleh UMNO sebuah organisasi kermat yang telah berjaya menyatupadukan orang Melayu dan memerdekakan negara ini. Menteri tidak boleh berkuassa sesuka hati sekiranya KSU tegas dengan pertimbangannya dan pegawai teknikal membuat perakuan teknikal yang tepat. Kita hanya boleh memilih untuk berada dalam satu bakul sekiranya tidak ada buah yang busok. Semuanya akan busok sekiranya sebiji sahaja busok.


10. Pegawai awam yang mengagotai jawatan kuasa teknikal dan Lembaga Tender mesti bersih dan nampak bersih seperti kapas. Betul kata pepatah rosak air bersih seperiok kerana setitik nila.
11. Saya yakin matlamat Najib kearah 1 Malaysia hanya boleh tercapai sekiranya setiap pihak dari atas kebawah, ketengah dan ketepi, anak dan bini, adik dan kakak semuanya bersih seperti kapas dan nampak bersih seperti kapas. Kita tidak mahu tengok ada Menteri terpekik sana sini untuk mencapai 1 Malaysia tetapi dalam masa yang sama kroninya dok sapu bersih peluang yang ada.
12. Najib harus dapat melihat pengasingan antara politik dan peluang-peluang perniagaan untuk penyokong-penyokong politik. Rakyat boleh membuat penilaian bagaimana sipolan baru semalam bawa kereta proton terpakai tetapi hari ini dah bawa SUV mewah kemerata tempat dengan gaya tersendiri. Rakyat tidak cemburu tetapi orang ramai mempersoalkan. ketelusan.
13. Kesederhanaan yang ditunjukkan oleh MB Kedah, Ustaz Azizan dan barisan Exconya menjadi suatu cabaran kepada UMNO untuk menawan semula Kedah. Diprengkat Pusat kalau semua ahli Kabinet dapat contohi Ustaz Azizan di Kedah, saya yakin rakyat akan hormati matlamat 1 Malaysia dengan keutamaan kepada kepentingan rakyat.
